

Tindakan tegas penjawat awam langgar SOP pemerolehan

BH 03/10/2020 (19)

Labuan: Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) memberi amaran tindakan tegas akan diambil terhadap penjawat awam yang didapati melanggar prosedur operasi standard (SOP) pemerolehan memandangkan ketidakpatuhan terhadap SOP itu adalah punca ketirisan dalam transaksi kerajaan.

Ketua Pengarah JPA, Tan Sri Mohd Khairul Adib Abd Rahman, berkata tidak ada kompromi dalam isu ini memandangkan perkara itu melibatkan wang rakyat.

"Mesej kami jelas. Tidak ada tolak ansur bagi penjawat awam yang didapati tidak mematuhi SOP sedia ada. Walaupun agar sukar untuk dipatuhi, peraturan itu memberikan kita keyakinan bahawa wujud ketelusan dalam pemerolehan.

"Menjadi kewajiban untuk mematuhi sepenuhnya (SOP), justeru, jika ada kes ketidakpatuhan, pastinya akan ada ketirisan,

Mesej kami jelas. Tidak ada tolak ansur bagi penjawat awam yang didapati tidak mematuhi SOP sedia ada. Walaupun agar sukar untuk dipatuhi, peraturan itu memberikan kita keyakinan bahawa wujud ketelusan dalam pemerolehan.

Mohd Khairul Adib Abd Rahman,
Ketua Pengarah JPA

Kerajaan tangani isu ketirisan perolehan

Kuala Terengganu: Kerajaan akan mengadun tindakan tegas terhadap penjawat awam yang melanggar prosedur operasi standard (SOP) pemerolehan memandangkan ketidakpatuhan terhadap SOP itu adalah punca ketirisan dalam transaksi kerajaan.



Keratan akhbar BH, semalam.

kecuaihan dan lain-lain.

"Kami bertindak berdasarkan laporan Ketua Audit Negara dan aduan awam berhubung amalan tidak sihat dalam kalangan penjawat awam," kata Mohd Khairul selepas menyampaikan amanat kepada penjawat awam di jabatan dan agensi persekutuan di Dewan Serba Guna Perbadanan Labuan, di sini, semalam.

"Kami mahu Polis Diraja Malaysia dan SPRM (Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia) menjalankan tugas mereka dengan tegas dan mana-mana penjawat awam yang didapati melakukan kesalahan (rasuah dalam urusan kerajaan) akan didakwa," tegasnya.

Beliau berkata JPA sudah menubuhkan sebuah jawatankuasa bagi menyelia pematuhan SOP, termasuk Sistem Pengurusan Antirasuah ISO 37001 (ABMC).

Mohd Khairul berkata, Pelan

Antirasuah Organisasi (OACP) adalah dokumen dasar di peringkat organisasi bagi menangani kelemahan dan isu berkaitan tadbir urus, integriti serta antirasuah.

"Setiap kementerian harus ada OACP ini yang dapat membantu menangani amalan rasuah di jabatan dan agensi masing-masing," tambahnya.

Kelmarin, Ketua Pesuruhjaya SPRM Datuk Seri Azam Baki dilaporkan berkata kes rasuah yang menyebabkan ketirisan dalam pemerolehan kerajaan memabitkan penjawat awam dilihat semakin kritikal dengan 50 peratus kes sedemikian berlaku di agensi kerajaan.

Susulan itu, Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Mohd Zuki Ali dilaporkan berkata beliau akan mengadakan mesyuarat dengan SPRM berhubung dakwaan ketirisan dalam pemerolehan kerajaan yang memabitkan penjawat awam. **BERNAMA**